

**Malaysia Meningkatkan Enam Tangga Kepada Kedudukan Ke-24 Dalam Laporan WEF
Bernama
23 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Malaysia bergerak enam tangga kepada tempat ke-24 daripada 132 ekonomi dalam prestasi pengupaya perdagangan keseluruhan dalam Laporan Perdagangan Pengupaya Dunia Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2012.

Edisi keempat laporan bertajuk "Mengurangkan Halangan Rangkaian Bekalan" dikeluarkan oleh WEF yang berpejabat di Geneva Rabu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata ranking itu meletakkan Malaysia antara 20 peratus ekonomi pengupaya perdagangan dunia.

"Ranking yang lebih tinggi dalam laporan WEF mencerminkan impak hasil usaha yang dilakukan oleh kerajaan sejak dua tahun lepas dalam meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.

"Terdapat pelbagai langkah yang diambil, termasuk meningkatkan penyampaian dan kecekapan perkhidmatan awam serta ketelusan dan akauntabiliti," katanya dalam satu kenyataan Rabu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668170>